

Kn. P.U. 10.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR  
(MAJLIS DAERAH GUA MUSANG) 2012

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang  
Undang  
Kecil

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Pasar persendirian hendaklah dilesenkan
4. Permohonan untuk mendapatkan lesen
5. Kehendak-kehendak dalam bangunan bagi pasar persendirian dan pasar awam
6. Kehendak-kehendak bagi pasar
7. Kehendak kebersihan
8. Terma-terma dan syarat-syarat bagi mengeluarkan lesen-lesen pasar persendirian
9. Gerai di pasar awam hendaklah berlesen
10. Lesen hendaklah dipamerkan
11. Menutup aurat
12. Pemegang gerai hendaklah sentiasa hadir
13. Pelantikan nomini

Undang

Undang

Kecil

14. Gerai tidak boleh diserah hak, dipajak, disewa atau disewa kecil
15. Peraturan tempat jualan
16. Waktu pasar awam
17. Tiada pembaziran air
18. Mempamerkan tanda harga
19. Penjualan makanan yang tidak menyegarkan dilarang
20. Tanggungjawab pemegang lesen dan pemajak
21. Pembersihan gerai
22. Pembersihan gerai ikan dan daging setiap hari
23. Sekeliling gerai dijaga bersih
24. Kebersihan pasar dan gerai
25. Pembuangan sampah
26. Halangan
27. Halangan parit-parit dan lorong-lorong
28. Perlindungan matahari dan pengubahan
29. Kemasukan kenderaan
30. Larangan penggunaan api
31. Perbuatan ditegah di gerai
32. Kacau ganggu

Undang  
Undang  
Kecil

33. Meminta sedekah, dll
34. Orang yang menghidap penyakit
35. Gangguan pemasangan elektrik dan air
36. Kuasa menyiasat
37. Kuasa untuk mengusir orang yang melanggar peraturan dan menamatkan pajakan
38. Pemasangan alat-alat elektrik dan sambungan
39. Penutupan pasar
40. Fi lesen pasar
41. Pemindahan ruangan
42. Pemindahan gerai dan penggantian lesen
43. Kuasa mengkompaun
44. Penalti
45. Penyitaan
46. Menuntut barang yang dirampas
47. Terhenti terpakai

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR  
(MAJLIS DAERAH GUA MUSANG) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Pasir Puteh membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

**Nama dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pasar (Majlis Daerah Gua Musang) 2012**.

(2) Undang-Undang Kecil ini terpakai bagi seluruh kawasan Majlis Daerah Gua Musang.

**Tafsiran**

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Gua Musang;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Gua Musang yang dilantik di bawah seksyen 10(1) Akta Kerajaan 1976 dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis Daerah Gua Musang;

“pasar” ertinya sesuatu tempat awam yang biasanya digunakan untuk menjual haiwan atau daging, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran atau barang-barang makanan manusia yang lain yang mudah musnah atau menjual apa-apa pakaian atau barang-barang dagangan lain dan termasuklah semua premis yang digunakan dengan apa-apa cara bersama-sama, berkenaan atau bersangkutan dengannya;

“pasar awam” ertinya pasar yang dimiliki, dipajak atau disenggara oleh Majlis;

“pasar persendirian” ertinya pasar selain daripada pasar awam dan termasuklah pasar mini, pasar raya dan pasar hiper. Dengan syarat dalam hal pasar raya atau pasar hiper dan pasar mini, tafsiran hendaklah juga dibuat mengikut keluasan premis yang digunakan iaitu bagi pasar raya atau pasar hiper merujuk kepada premis yang mempunyai keluasan 300 meter persegi atau lebih yang digunakan untuk maksud sedemikian dan bagi pasar mini ialah merujuk kepada premis yang luasannya kurang daripada 300 meter persegi yang digunakan untuk maksud sedemikian;

“ruangan” ertinya mana-mana kawasan yang ditetapkan dalam lingkungan sesuatu pasar dan digunakan untuk menjual apa-apa barang atau benda yang diluluskan oleh Majlis;

“gerai” ertinya gerai-gerai di dalam atau di sekitar pasar persendirian atau pasar awam dan termasuklah ruangan dan petak;

“pemegang gerai” ertinya seseorang yang dilesenkan oleh Majlis untuk menjual di sekitar pasar awam atau dalam pasar persendirian, atau seseorang individu yang dibenarkan oleh pemegang lesen pasar persendirian untuk menjual di sekitar pasar persendirian dan untuk kedua-dua keadaan ini termasuklah orang yang bertanggungjawab ke atas gerai-gerai berkenaan;

“aurat” ertinya bagi wanita adalah seluruh tubuh badan wanita kecuali muka dan kedua-dua tangan dan bagi lelaki adalah di bahagian badan antara pusat hingga lutut;

“pakaian menutup aurat” ertinya pakaian wanita Islam yang menutupi seluruh tubuh badan kecuali muka dan kedua-dua tangan dan pakaian berkenaan hendaklah tidak ketat atau sempit atau nipis sehingga menampakkan bentuk tubuh badan dan pakaian bagi lelaki Islam adalah wajib menutup bahagian badan antara pusat hingga lutut;

“kenderaan” ertinya apa-apa kenderaan yang digerakkan dengan jentera atau selainnya termasuklah gadi, kereta sorong, kereta tolak, basikal, beca, motosikal, skuter, kereta, van, lori dan bas;

#### **Pasar persendirian hendaklah dilesenkan**

3. Tiada seseorang boleh menubuhkan, melakukan atau menjalankan pasar persendirian di mana-mana tempat, pegangan atau bangunan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah undang-undang kecil ini.

#### **Permohonan untuk mendapatkan lesen**

4. (1) Sesuatu permohonan itu diluluskan untuk mendapatkan suatu lesen di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibuat kepada majlis mengikut apa-apa bentuk dan cara yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Apabila permohonan itu diluluskan, Majlis hendaklah mengeluarkan lesen tertakluk kepada—

- (a) apa-apa syarat dan sekatan yang dinyatakan di dalamnya;
- (b) bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua; dan
- (c) bayaran suatu deposit apa-apa jumlah wang ditentukan oleh Majlis.

- (3) Lesen itu hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut-
- (a) nama, alamat terkini dan nombor kad pengenalan pemegang lesen;
  - (b) gambar terbaru pemegang lesen berukuran pasport;
  - (c) tempat perniagaan;
  - (d) tempoh sahnya lesen;
  - (e) jenis lesen;
  - (f) jenis makanan, minuman atau barang yang akan dijual;
  - (g) nama, alamat, nombor kad pengenalan dan gambar terbaru pembantu yang diambil kerja oleh pemegang lesen, jika ada;
  - (h) waktu perniagaan; dan
  - (i) terma, syarat dan sekatan yang difikirkan perlu oleh Majlis untuk dikenakan.

#### **Kehendak-kehendak dalam bangunan bagi pasar persendirian atau awam**

5. (1) Dinding hendaklah disiapkan dengan sempurna dengan permukaan yang licin yang membolehkannya dicuci dengan senang dan cepat tanpa projeksi atau ceruk atau sudut yang berkemungkinan memungut habuk.

(2) Lantai-lantai hendaklah diperbuat daripada bahan-bahan kalis air yang kukuh yang dicuramkan dengan licin dan rata supaya cecair boleh dengan senang memasuki parit-parit.

(3) Parit-parit hendaklah dibina daripada batu-bata bergariskan dengan simen yang bermutu yang di bawahnya separa bulat atau separuh paip tembikar gilap yang mana hendaklah bergaris pusat tidak kurang daripada lima belas sentimeter dan hendaklah cukup bilangannya serta cerunnya supaya dapat mengalirkan keluar semua air atau lain-lain cecair. Parit sedemikian melainkan di mana ia melintasi jarak 1.5 meter hendaklah ditutup hanya dengan papan mudah alih atau bahan lain dan tidak boleh ditutup dengan lengkapan atau perabot berat. Tiada parit atau paip yang membawa air hujan atau air mandi atau najis atau bahan cecair busuk selain daripada paip bawah tanah yang dibina dengan teratur boleh diletakkan melalui perkarangan.

(4) Lantai di tingkat atas hendaklah sempurna dibina dengan menggunakan simen konkrit atau papan lantai bertanggam lidah dan lurah bertutup atau selainnya ditanggam supaya kedap air.

**Kehendak-kehendak bagi pasar**

6. (1) Dinding dalam pasar persendirian atau pasar awam hendaklah dibina setinggi 180 sentimeter dari lantai dan hendaklah permukaannya ditutup dengan jubin putih gilap, atau bahan kalis air lain sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

(2) Semua meja, kaunter, bangku panjang atau petak peraga dalam pasar awam atau pasar persendirian hendaklah dilitupi dengan batu marmar, jubin putih gilap, keluli berkilat, aluminium, kaca atau mana-mana bahan lain yang diluluskan oleh Majlis dan hendaklah dibasuh dengan sabun atau air sekurang-kurangnya sekali sehari.

(3) Penyangkut untuk menyangkut mana-mana daging atau ikan yang dipamerkan untuk dijual hendaklah diletakkan sekurang-kurangnya 1 meter daripada beranda atau laluan kaki lima dan hendaklah dengan perkakas yang tahan karat dan hendaklah ditukar apabila diarahkan oleh Yang Dipertua.

(4) Buah-buahan dan sayur-sayuran tidak boleh dipamerkan untuk dijual di atas meja atau bangku yang sama dengan daging atau ikan.

(5) Peti sejuk, penyejuk beku atau pendingin dari sesuatu bentuk yang diluluskan hendaklah dipasang jika dikehendaki berbuat demikian oleh Majlis.

(6) Bekalan air yang bersih dan segar hendaklah didapati daripada bekalan air awam atau sumber lain sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis dan hendaklah setiap masa terdapat di premis.

**Kehendak kebersihan**

7. Pemegang lesen persendirian atau pemegang lesen pasar awam hendaklah mengikut kehendak-kehendak berikut—

(a) hendaklah menyebabkan kesemua sampah-sarap dipungut dan ditempatkan di dalam bekas-bekas yang tertutup yang disediakan untuk kegunaan tersebut, dan hendaklah menyebabkan kesemua bekas-bekas tersebut dikosongkan dan dicuci seberapa kerap yang diperlukan untuk menjaga premis pada setiap masa cuci dan bersih, tetapi di dalam apa jua hal tidak kurang sekali sehari;

(b) pada bila-bila masa diarahkan oleh Yang Dipertua hendaklah dialihkan daripada premis yang dilesenkan semua barang-barang mudah alih, dan dinding, lantai, siling dan bumbung hendaklah disapu dan semua sampah-sarap dibuang dan semua premis hendaklah dibersihkan bersungguh-sungguh, dicat atau semua pembikinan yang perlu hendaklah dibuat ke atas premis;

- (c) semua makanan bertujuan untuk dijual hendaklah berada dalam keadaan yang bersih dan dijaga dengan rapi daripada lalat, kutu, serangga, debu, kotoran atau bahan atau benda lain yang merbahaya;
- (d) semua alat-alat yang digunakan di atas hendaklah disimpan dalam keadaan yang bersih dan bebas daripada apa jua linapan merbahaya atau kekotoran;
- (e) tiada alat-alat tidur atau pakaian boleh digantung atau disimpan di mana-mana bahagian pasar persendirian;
- (f) menyimpan semua makanan sama ada dimasak atau tidak dimasak, di dalam keadaan bersih dan sihat supaya ia tidak dihindangi mana-mana lalat, kutu, serangga, kotoran, debu atau lain-lain bahan atau benda yang merbahaya;
- (g) membungkus semua makanan untuk pelanggan dengan kertas, atau lain-lain bahan yang bersih dan tidak dikotori atau dijangkiti dengan apa-apa cara;
- (h) menyimpan semua alat-alat dan barang-barang yang digunakan berkaitan dengan perniagaannya dengan bersih dan bebas daripada apa-apa kotoran atau jangkitan;
- (i) menjaga diri dan pakaiannya di dalam keadaan yang bersih;
- (j) mengecat gerainya seberapa kerap sebagaimana yang diarahkan untuk berbuat demikian oleh Yang Dipertua; dan
- (k) mematuhi apa-apa syarat lain yang difikirkan perlu oleh Yang Dipertua.

**Terma-terma dan syarat-syarat bagi mengeluarkan lesen-lesen pasar persendirian**

8. (1) Mengenai sesuatu pasar persendirian, Yang Dipertua, boleh menentukan—
- (a) bilangan maksimum gerai, ruangan atau tempat boleh didirikan atau disediakan untuknya di kawasan pasar persendirian;
  - (b) kedudukan di dalam lingkungan pasar persendirian di mana gerai-gerai berkenaan atau ruangan boleh didirikan atau disediakan untuknya;
  - (c) jenis-jenis makanan yang dimasak atau tidak dimasak, minuman atau benda yang dijual atau akan dijual di tiap-tiap kawasan atau bahagian pasar persendirian; dan
  - (d) apa-apa kehendak lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Yang Dipertua.
- (2) Majlis boleh mengeluarkan lesen bagi pasar persendirian atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.



**Gerai di pasar awam hendaklah berlesen**

9. (1) Tiada seseorang pun boleh menjual atau mempamerkan atau menyimpan untuk jualan binatang atau daging, ikan, ayam, itik, buah-buahan atau sayur-sayuran atau lain-lain makanan keperluan manusia yang tidak tahan lama, atau mana-mana pakaian, barang dagangan atau lain-lain barangan di mana-mana pasar awam melainkan di gerai atau ruangan yang berkenaan yang dikeluarkan lesen oleh Majlis.

(2) Yang Dipertua hendaklah menyimpan daftar yang mengandungi butir-butir yang berkaitan di atas kesemua pemegang-pemegang gerai yang telah diberikan lesen untuk gerai atau ruangan di dalam pasar awam.

**Lesen hendaklah dipamerkan**

10. Pemegang lesen—

- (a) pasar persendirian hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesen beliau di bahagian yang mudah dilihat di pasar persendirian;
- (b) gerai di dalam pasar awam hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesen beliau di bahagian yang mudah dilihat di gerainya; dan
- (c) ruangan di dalam pasar awam hendaklah menyimpan lesen pada dirinya atau suatu tempat yang membolehkan beliau menunjukkan apabila diminta.

**Menutup aurat**

11. Pemegang lesen hendaklah semasa menjalankan aktiviti pasarnya, jika dia lelaki atau wanita Islam memastikan dirinya dan semua pekerjaannya lelaki atau wanita yang beragama Islam memakai pakaian menutup aurat dan jika pemegang lesen lelaki atau wanita dan pekerjaannya lelaki atau wanita bukan beragama Islam, hendaklah memakai pakaian sopan.

**Pemegang gerai hendaklah sentiasa hadir**

12. (1) Pemegang gerai di mana-mana pasar awam hendaklah pada setiap masa hadir dan menjalankan atau mengawasi penjualan di gerainya atau ruangan atau melainkan tidak berupaya untuk berbuat demikian dengan alasan munasabah.

(2) Pemegang gerai di mana-mana pasar awam bolehlah dengan kebenaran bertulis Yang Dipertua, mengambil pembantu yang diberi kuasa yang nama dan gambarnya hendaklah dilekatkan pada kad lesen di bawah nama dan gambar pemegang lesen. Pemegang gerai hendaklah bertanggungjawab ke atas tindakan pembantunya dan hendaklah berada sendiri di gerai itu dari pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

**Pelantikan nomini**

13. (1) Di mana pemegang gerai di mana-mana pasar awam meninggalkan gerainya selama tempoh tiga puluh hari berturut-turut, dia hendaklah melantik seorang nomini di tempatnya dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Yang Dipertua.

(2) Fi sebanyak sepuluh ringgit hendaklah dibayar kepada Majlis oleh pemegang gerai kerana pelantikan nomini atau pembantu yang diberi kuasa selama tempoh tiga puluh hari dari tarikh ia meninggalkan gerai dan pelantikan itu.

**Gerai tidak boleh diserah hak, dipajak, disewa atau disewa kecil**

14. Tiada pemegang gerai di dalam mana-mana pasar awam boleh menyerahkan hak, memajak, menyewa atau menyewa kecil gerainya tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.

**Peraturan tempat jualan**

15. Yang Dipertua, mengenai suatu pasar awam, dan seorang pemegang lesen pasar persendirian, hendaklah membahagikan bahagian atau pecahan yang berlainan bagi pasar awam atau pasar persendirian mengikut mana yang berkenaan untuk menjual pelbagai jenis makanan yang dimasak atau tidak dimasak, minuman, benda atau barang-barang dan tiada seorang boleh mempamerkan untuk dijual atau menjual apa-apa makanan, minuman, benda atau barang-barang di tempat lain selain dalam bahagian atau pecahan yang telah dikhaskan itu.

**Waktu pasar awam**

16. Pasar awam hendaklah dibuka pada waktu yang diarahkan oleh Yang Dipertua, melainkan dengan kebenaran khas daripada Yang Dipertua, tiada seseorang boleh berada di dalam pasar awam semasa pasar ditutup.

**Tiada pembaziran air**

17. (1) Di mana bekalan air awam disediakan di mana-mana pasar awam, tiada seseorang boleh membazir air, dan semua orang hendaklah mematuhi arahan yang diberikan oleh Yang Dipertua dan mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya.

(2) Tiada pemegang gerai atau mana-mana orang berkaitan dengan penjualan makanan atau minuman boleh menyediakan untuk minuman atau digunakan untuk memasak atau membasuh atau untuk apa jua tujuan yang berhubung dengan perniagaan beliau mana-mana air daripada mana-mana paip atau lain-lain sumber di dalam tandas awam atau persendirian.

**Mempamerkan tanda harga**

18. (1) Tiap-tiap pemegang gerai hendaklah mempamerkan di gerai tanda harga untuk setiap barang-barang yang ditunjukkan untuk dijual.

(2) Tiap-tiap pemegang gerai hendaklah menjual barang-barang mengikut harga yang ditunjukkan di atas tanda harga itu.

**Penjualan makanan yang tidak menyegarkan dilarang**

19. (1) Tiada seseorang boleh mempamerkan untuk dijual atau menjual di dalam mana-mana pasar apa-apa makanan atau minuman yang tidak segar atau yang tidak berkhasiat untuk pemakanan manusia.

(2) Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh menyiasat, memeriksa dan merampas mana-mana binatang yang berpenyakit atau buah-buahan, sayur-sayuran atau lain-lain bahan makanan atau minuman yang tidak berkhasiat, tidak segar atau apa jua yang tidak selamat untuk dimakan oleh manusia dan boleh mengarahkan ia dimusnahkan.

**Tanggungjawab pemegang lesen dan pemajak**

20. Pemegang lesen mana-mana pasar persendirian atau dalam pasar awam atau mana-mana bahagian pasar awam yang diberi pajak, pemajak hendaklah mengambil pekerja-pekerja yang mencukupi untuk membasuh dan menjaga pasar supaya bersih dan memuaskan hati Yang Dipertua dan hendaklah bertanggungjawab ke atas semua keselamatan, kerosakan kepada atau kehilangan harta benda Majlis serta segala harta benda di mana-mana gerai di dalam pasar dan tidak akan menuntut apa-apa ganti rugi daripada Majlis.

**Pembersihan gerai**

21. Setiap pemegang gerai hendaklah menjaga gerainya dengan bersih dan di dalam keadaan baik dan sehari dalam tiap-tiap minggu yang akan ditetapkan oleh Yang Dipertua, pemegang gerai hendaklah mengalih semua barang-barang atau lain-lain bahan atau benda daripada gerai atau ruangan dan hendaklah membersihkan gerai atau ruangan itu dengan teliti.

**Pembersihan gerai ikan dan daging setiap hari**

22. Setiap penjual ikan dan daging hendaklah membasuh dan mencuci dengan teliti gerainya, sekatan gerai dan papan gerai dan semua alat-alat kepunyaan di situ sekurang-kurangnya sekali sehari dan hendaklah menjaganya agar berada di dalam keadaan bersih dan sihat.

**Sekeliling gerai dijaga bersih**

23. Setiap pemegang gerai hendaklah menjaga mana-mana jalan, laluan atau tempat di hadapan, belakang atau sebelah gerai atau ruangan di dalam keadaan bersih dengan memuaskan Yang Dipertua.

**Kebersihan pasar dan gerai**

24. Setiap pemegang gerai di dalam pasar persendirian atau pasar awam hendaklah menjaga bangsa, gerai atau ruangan di dalam keadaan bersih dengan memuaskan Yang Dipertua.

**Pembuangan sampah**

25. (1) Setiap pemegang gerai hendaklah menyediakan dan menjaga di dalam keadaan baik gerainya dengan menyediakan bekas sampah dengan secukupnya, berkeadaan baik, tertutup dan daripada bentuk dan bahan yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

(2) Tiada pemegang gerai atau lain-lain orang boleh meletak atau menyebabkan atau membenarkan diletak mana-mana sisa makanan, sampah, kotoran atau lain-lain bahan atau benda-benda yang dibuang olehnya merata-rata tempat selain dari dalam bekas-bekas sampah.

(3) Semua sampah yang busuk dan sampah-sarap pepejal hendaklah diletakkan di dalam beg plastik atau lain-lain bekas ringan sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Dipertua sebelum ianya diletakkan ke dalam bekas-bekas sampah.

(4) Setiap pemegang gerai hendaklah memastikan yang semua timbunan sampah-sarap dalam urusan perniagaannya diletakkan dari masa ke semasa ke dalam bekas sampah awam yang disediakan untuk kegunaan itu.

(5) Tiada pemegang gerai boleh menyebabkan atau membenarkan untuk dimasukkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air garam, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk ke dalam mana-mana parit atau di atas mana-mana lantai di pasar melainkan di tempat yang ditentukan untuk tujuan tersebut oleh Yang Dipertua.

(6) Jika dalam mana-mana tindakan untuk mana-mana pelanggaran syarat-syarat di perenggan (5) di dalam undang-undang kecil ini menunjukkan yang mana-mana sisa makanan, sampah, kotoran atau lain-lain bahan atau lain-lain bahan atau benda tidak diletakkan ke dalam bekas-bekas sampah tetapi di dalam atau di atas mana-mana lorong, parit, kawasan atau lain-lain tempat di hadapan, belakang atau di sebelah gerai atau ruangan, ia hendaklah dianggap melainkan dibuktikan sebaliknya yang ianya telah diletakkan ke dalam atau di atas atau dengan kebenaran pemegang gerai yang gerainya atau ruangnya terletak berdekatan dengan sisa-sisa makanan, sampah, kotoran atau lain-lain bahan atau benda itu.

**Halangan**

26. Tiada pemegang gerai di dalam mana-mana pasar awam boleh-

- (a) meletak, mendirikan atau menempatkan gerai atau ruangan melebihi had-had yang diperuntukkan baginya dan tiada pelindung panas atau penutup boleh melebihi 30 sentimeter dari gerai atau ruangan tersebut;
- (b) menyebabkan atau membenarkan mana-mana barang, barang-barang dagangan atau lain-lain barang, alat atau benda berhubung dengan perniagaannya diletakkan, dipamerkan atau didedahkan untuk jualan di atas mana-mana tangga, pintu, lorong atau laluan dalam pasar atau di atas atau melintasi mana-mana parit atau bahagiannya di dalam pasar;
- (c) menyebabkan atau membenarkan barang-barang, barang-barang dagangan atau lain-lain barang, alat atau benda berhubung dengan perniagaannya melebihi had gerai atau ruangan yang diperuntukkan baginya;
- (d) menyebabkan apa-apa halangan di dalam mana-mana pasar atau di mana-mana lebu, lorong atau jalan masuk ke mana-mana pasar dengan mana-mana kenderaan, barang-barang, kotak, bakul, kereta sorong atau lain-lain benda; dan
- (e) mendirikan atau meletakkan mana-mana kotak, rak atau lain-lain rangkaian bina di atas gerainya atau ruangan ke paras melebihi 2 meter daripada permukaan tanah atau menimbun atau melonggokkan barang-barang, kotak-kotak, bakul-bakul, bungkusan atau lain-lain benda di atas gerai melebihi had tinggi tersebut.

**Halangan parit-parit dan lorong-lorong**

27. Tiada seseorang boleh mempamerkan mana-mana barang untuk dijual di lorong atau melintasi mana-mana parit di bahagian pasar dan tiada papan, kotak, bakul atau bahan lain boleh ditinggalkan di dalam, di atas atau melintasi mana-mana parit atau lorong.

**Pelindung matahari dan ubahsuaian**

28. Tiada seseorang boleh mendirikan mana-mana pelindung matahari, tirai atau penyekat atau membuat apa-apa ubahsuaian atau tambahan terhadap mana-mana gerai tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

**Kemasukan kenderaan**

29. (1) Tiada seseorang boleh meletak, memandu, menyimpan mana-mana kenderaan dalam mana-mana pasar atau kawasannya melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

(2) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh mengambil tindakan terhadap kesalahan di bawah perenggan (1) dengan mengalihkan dan menyimpan kenderaan tersebut dalam penjagaan Majlis Daerah Gua Musang sehingga dilepaskan dengan perintah Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua.

Dengan syarat bahawa Majlis hendaklah memberi notis bertulis dengan seberapa segera yang munasabah memaklumkan bahawa kenderaan tersebut telah dialih dan disimpan dalam jagaan Majlis.

(3) Kenderaan itu boleh terus berada dalam penjagaan Majlis sehingga apa-apa kos atau belanja yang ditanggung oleh Majlis akibat pengalihan dan penjagaan kenderaan itu telah dibayar kepada Majlis.

**Larangan penggunaan api**

30. (1) Api tidak boleh dinyalakan atau memasak atau merebus tidak boleh dilakukan di dalam mana-mana pasar melainkan di suatu tempat atau tempat-tempat seperti mana yang ditentukan oleh Yang Dipertua dengan tertakluk pada syarat yang akan ditetapkan olehnya.

(2) Tiada seseorang pun boleh merokok di mana-mana gerai di dalam mana-mana pasar.

**Perbuatan yang ditegah di gerai**

31. Tiada seorang pun boleh duduk, berdiri, berbaring atau tidur di mana-mana gerai di dalam mana-mana pasar.

**Kacau ganggu**

32. Tiada seseorang boleh di dalam pasar-

(a) melakukan kacau ganggu;

(b) meludah di atas lantai, gerai atau lain-lain bahagian pasar;

- (c) membuang apa-apa sayur-sayuran, najis binatang atau sisa-sisa sembelihan binatang, sampah-sarap atau lain-lain bahan atau benda busuk ke atas sesuatu gerai, jalan, lorong, tangga atau mana-mana bahagian pasar melainkan di dalam bekas sampah atau bekas-bekas menyimpan yang telah dikhaskan untuk tujuan tersebut.
- (d) membela anjing atau lain-lain binatang atau membawa ke dalam pasar, anjing atau lain-lain binatang sama ada berikat atau tidak atau dengan sengaja membiarkan atau membenarkan anjing atau lain-lain binatang mengekorinya ke dalam pasar.

Dengan syarat bahawa bagi maksud perenggan (a) undang-undang kecil ini, tafsiran kecau ganggu hendaklah ditafsirkan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

#### **Peminta sedekah, dll**

33. Tiada seseorang pun di dalam pasar boleh mengemis atau meminta sedekah atau mendedah atau memperlihatkan mana-mana kudis, luka, penyakit di badan atau kecacatan. Mana-mana pegawai Majlis boleh mengusir orang yang sedemikian boleh bekerja atau membantu di dalam mana-mana perniagaan.

#### **Orang yang menghidapi penyakit**

34. Tiada seseorang pun yang diketahui menghidap mana-mana penyakit yang merebak atau berjangkit atau membawa mana-mana penyakit yang merebak boleh bekerja dalam menyedia atau menjual barangan di dalam mana-mana pasar dan mana-mana orang yang sedemikian hendaklah apabila dikehedaki berbuat demikian oleh Yang Dipertua atau Pegawai Kesihatan menjalani pemeriksaan kesihatan.

#### **Gangguan pemasangan air atau elektrik**

35. Tiada seseorang boleh meminda atau mengganggu mana-mana pemasangan elektrik atau air di dalam pasar awam.

#### **Kuasa menyiasat**

36. Tiada seseorang pun boleh menghalang mana-mana pegawai yang diberi kuasa daripada memasuki atau menyiasat mana-mana pasar atau mana-mana bahagiannya pada bila-bila masa.

**Kuasa untuk mengusir orang yang melanggar peraturan dan menamatkan pajakan**

37. Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh mengusir atau menyebabkan diusir daripada mana-mana pasar awam mana-mana orang atau kakitangannya yang melanggar mana-mana undang-undang kecil ini atau syarat-syarat di bawahnya dan boleh menyekat orang itu atau kakitangannya daripada meneruskan apa-apa perniagaan atau perdagangan di pasar itu atau menduduki mana-mana gerai, kedai atau lain-lain tempat yang ada dan boleh menamatkan atau membatalkan mana-mana pajakan atau lesen orang itu yang ada ke atas mana-mana gerai, kedai atau lain-lain tempat.

**Pemasangan alat-alat elektrik atau sambungan**

38. (1) Tiada alat-alat elektrik atau sambungan boleh dipasang atau disambung oleh pemegang gerai di dalam pasar awam tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

(2) Pemegang gerai hendaklah menanggung segala perbelanjaan pemasangan, pendawaian atau sambungan itu dalam hal di mana kebenaran bertulis telah diperolehi daripada Yang Dipertua.

**Penutupan pasar**

39. Yang Dipertua boleh mengikut budi bicaranya menutup mana-mana pasar awam atau sebahagiannya pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa sebab.

**Fi lesen pasar**

40. (1) Fi lesen di dalam pasar awam atau gerai atau ruangnya adalah sebagaimana ditetapkan di Jadual Kedua. Fi lesen, melainkan digantung atau dibatalkan oleh Majlis, hendaklah dibayar untuk tempoh setahun iaitu bermula dari tarikh lesen dikeluarkan dan akan tamat sehingga atau pada tempoh dua belas dari tarikh ianya dikeluarkan.

(2) Fi lesen bagi pasar persendirian adalah sebagaimana ditetapkan di Jadual Pertama dan Majlis boleh mengubah kadar bayaran fee ini dari semasa ke semasa. Tempoh sah lesen ialah selama satu tahun bermula dari tarikh lesen dikeluarkan dan akan tamat sehingga atau pada tempoh dua belas bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.

(3) Walau apa peruntukan perenggan (1) dan (2) Majlis boleh melanjutkan tempoh sahnya sesuatu lesen sehingga tidak lebih daripada tiga (3) tahun mulai dari tarikh ianya dikeluarkan hingga tarikh ianya tamat.

Dengan syarat bahawa fi yang kena dibayar hendaklah dikenakan atas setahun ke setahun kecuali dibatalkan terlebih dahulu oleh Majlis.



**Pemindahan ruangan**

41. Di dalam hal di mana Yang Dipertua membenarkan mana-mana pemindahan ruangan di dalam pasar awam, fi yang kena dibayar ialah sebanyak RM10.00.

**Pemindahan gerai dan penggantian lesen**

42. Dalam keadaan di mana Majlis membenarkan pemindahan sesuatu gerai atau petak dalam sesuatu pasar awam, atau dalam keadaan di mana lesen digantikan oleh kerana kehilangan atau kerosakan kepada lesen asal, fi yang kena dibayar hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

**Kuasa mengkompaun**

43. Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh menurut budi bicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam undang-undang kecil ini dengan menerima sejumlah wang tidak melebihi lima ratus ringgit.

**Penalti**

44. Sesiapa yang melanggar mana-mana undang-undang kecil ini atau mana-mana syarat di bawahnya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan mengenai kesalahan berterusan denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Penyitaan**

45. (1) Mana-mana barang atau benda yang ditawarkan atau didedahkan untuk jualan sama ada yang mudah rosak atau tidak dalam mana-mana pasar termasuk bekasnya dan mana-mana alat berkaitan dengannya kepunyaan orang yang tidak berlesen atau mana-mana orang yang dilesenkan di bawah undang-undang kecil ini, berniaga di luar gerai atau ruangan yang dikhaskan baginya boleh dirampas atau disita oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis dan dipindahkan ke mana-mana tempat yang ditentukan oleh Majlis dan ditahan di situ atas risiko pemunya.

(2) Mana-mana barang mudah rosak atau tidak mudah rosak yang dirampas atau disita dan ditahan di bawah subperenggan (1) undang-undang kecil ini hendaklah dilupuskan sama ada secara lelongan awam atau mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis dan hasilnya hendaklah disimpan oleh Majlis dan digunakan bagi atau terhadap belanja-belanja yang dilakukan dan lebihannya jika ada, hendaklah dibayar, apabila diminta oleh pemunya benda atau barang itu.

(3) Jika lebihan itu tidak dituntut dalam masa 1 bulan dari tarikh dilupuskan ianya hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Majlis.

**Menuntut barang yang dirampas**

46. (1) Seseorang yang mempunyai apa-apa tuntutan ke atas mana-mana barang yang dipindah atau ditahan di bawah undang-undang kecil 45, boleh menuntut barang-barang itu daripada Majlis dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh barang-barang itu dirampas tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan oleh Majlis.

(2) Sekiranya tidak ada tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang dipindahkan atau ditahan itu dalam tempoh 7 hari yang ditetapkan ini, Majlis boleh melupuskan barang-barang itu mengikut cara yang difikirkan patut dan sesuai.

(3) Majlis tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan, kerugian atau kemusnahan benda atau barang-barang yang dilupuskan itu dan tiada apa-apa tuntutan boleh dibuat terhadap Majlis.

**Terhenti terpakai**

47. Fi lesen yang ditetapkan di bawah peraturan 112, Peraturan-Peraturan Perbandaran 1938 hendaklah terhenti terpakai bagi Majlis Daerah Gua Musang.

**JADUAL PERTAMA**  
[Undang-undang kecil 40(2)]

**FI LESEN BAGI PASAR PERSENDIRIAN**

1. Pasar Persendirian—	Setahun (RM)
(i) Keluasan lantai 90 meter persegi atau kurang	180.00
(ii) 91 – 185 meter persegi	360.00
(iii) Tiap-tiap tambahan 90 meter persegi atau sebahagiannya	150.00
2. Pasar hiper, pasar raya atau pasar mini—	
(i) Keluasan lantai 90 meter persegi atau kurang	180.00
(ii) 91 – 185 meter persegi	360.00
(iii) Tiap-tiap tambahan 90 meter persegi atau sebahagiannya	150.00

JADUAL KEDUA  
[Undang-undang kecil 40(1)]

Jenis Gerai/Perniagaan	Bayaran Tidak Melebihi (RM)
1. Kain atau pakaian	8.00/sebulan
2. Rempah	8.00/sebulan
3. Beras	8.00/sebulan
4. Tembakau dan rokok	8.00/sebulan
5. Kepala bakul	10.00/sebulan
6. Runcit	8.00/sebulan
7. Sayur-sayuran	9.00/sebulan
8. Buah-buahan	9.00/sebulan
9. Telur	8.00/sebulan
10. Tow foo	8.00/sebulan
11. Ikan atau lain-lain hasilan laut	9.00/sebulan
12. Ayam/itik	9.00/sebulan
13. Garam	8.00/sebulan
14. Makanan yang telah dimasak/tidak dimasak	8.00/sebulan
15. Babi	10.00/sebulan
16. Babi panggang	20.00/sebulan
17. Daging lembu	2.00/sehari/seekor sebahagiannya
18. Daging kambing	0.50/sehari/seekor sebahagiannya
19. Minyak kelapa/minyak masak	8.00/sebulan

Jenis Gerai/Perniagaan	Bayaran Tidak Melebihi (RM)
20. Air batu	8.00/sebulan
21. Minuman	8.00/sebulan
22. Ikan kering	9.00/sebulan
23. Vermicelli, mee, kway teow, mee segera dan pastri	8.00/sebulan
24. Lain-lain jenis benda/barangan yang dijual atau didedah untuk dijual yang tidak disebut di atas.	8.00/sebulan

JADUAL KETIGA  
[Undang-undang kecil 42]

BAYARAN PINDAH MILIK GERAJ/PETAK ATAU PENGGANTI LESEN

1. Fi pindah milik	RM50.00
2. Fi penggantian lesen	RM20.00

Dibuat pada 28 Mac 2011  
[MDGM BIL : 3/2011]

HAI WAN MUSTAPHA BIN WAN AB. HAMID  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Daerah Gua Musang*

Disahkan pada 21 September 2011  
[SUK.D.200(05)849/9 Jld.2(5)]

